

# PELAKSANAAN KEMAHIRAN MEMBACA JAWI DI SK BRICKFIELDS 1 : ISU DAN CABARAN DALAM KALANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM

Muhammad Fawwaz Iman bin Mohd Sobri  
Muhammad Nurhelmi bin Mohamed Termizi  
Mohd Puaad bin Abdul Malik <sup>Phd</sup>  
Norazi bin Rani <sup>Phd</sup>

## *Abstrak*

Kajian ini bertujuan menganalisis kemahiran membaca Jawi dalam empat aspek bacaan dan tulisan suku kata jawi, perkataan jawi, rangkai kata jawi dan ayat mudah jawi melalui analisis keperluan yang dijalankan oleh guru pelatih Pendidikan Islam. Mereka merupakan model yang berperanan penting dalam pembentukan rohani, akhlak dan nilai murid di sekolah. Oleh yang demikian, pelbagai usaha ke arah pemantapan pemeliharaan amalan Guru Pelatih Pendidikan Islam telah dilaksanakan di dalam bilik darjah (kurikulum). Pembelajaran kemahiran membaca Jawi ini bertujuan memastikan murid dapat menguasai bacaan dan tulisan jawi serta mencintai jawi sebagai satu daripada warisan budaya bangsa yang perlu dipertahankan. Kegagalan murid membaca Jawi akan mengganggu proses penguasaan mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam bidang Jawi.

*Kata Kunci: Kemahiran, Membaca Jawi, Guru Pelatih*

## *Abstract*

*This study aims to analyze Jawi reading skills in four aspects of reading and writing Jawi syllables, Jawi words, Jawi word structures and simple Jawi sentences through a needs analysis conducted by Islamic Education trainee teachers. They are models who play an important role in the spiritual formation, morals and values of students at school. Therefore, various efforts towards strengthening the practice of Islamic Education Teacher Trainers have been implemented in the classroom (curriculum). The purpose of learning Jawi reading skills is to ensure that students can master reading and writing Jawi as well as love Jawi as one of the cultural heritage of the nation that needs to be preserved. Failure of students to read Jawi will disrupt their mastery process in Islamic Education subjects, especially in the field of Jawi.*

*Keywords: Skills, Reading Jawi, Trainee Teachers*

## PENDAHULUAN

Tulisan jawi sememangnya tidak asing dalam kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia sejak dari ratusan tahun dahulu terutamanya selepas datangnya Islam di Alam Melayu. Hal ini kerana tulisan jawi boleh dikatakan sinonim dan merupakan sebahagian identiti orang Melayu. Suka untuk diingatkan bahawa pernyataan tulisan jawi dan tulisan bahasa arab adalah sama merupakan tidak benar sama sekali. Ramai yang terkeliru ekoran

beranggapan bahawa kedu-dua tulisan ini serupa (Mohd Eezan & Shahlan, 2020). Walaupun tulisan jawi menggunakan huruf-huruf arab tetapi masih ditambah huruf-huruf lain bahkan ejaan dan penggunaannya adalah berbeza dengan Bahasa Arab kerana disesuaikan mengikut konotasi Bahasa Melayu. Perkara ini jelas menunjukkan identiti tersendiri yang dimiliki oleh tulisan jawi. Peranan yang dimainkan oleh tulisan jawi ini dalam masyarakat Melayu sangatlah berharga terutama sebagai alat komunikasi dan medium pengembangan ilmu. Sayang seribu kali sayang, kemasukan penjajah dari negara barat dan pengenalan tulisan rumi telah menghakis dan mengurangkan pengaruh tulisan jawi sehingga sekarang. Justeru, tidak aneh jika pada era pasca covid-19 ini, masih wujud segolongan masyarakat melayu dari semua peringkat umur yang masih buta jawi. Hal ini bukanlah perkara yang boleh dipandang enteng kerana melibatkan khazanah Melayu yang hampir hilang ditelan zaman.

Sehubungan itu, memasukkan pelajaran jawi dalam bidang pendidikan adalah satu langkah yang boleh diperlukan dalam usaha memastikan generasi kini dan seterusnya dapat mengenal, membaca dan menulis tulisan jawi ini. Pelajaran jawi ini sebenarnya bukanlah subjek baharu dalam sistem kurikulum sekolah di Malaysia. Kini, tulisan jawi diajarkan kepada murid-murid sejak dari sekolah rendah sebagai satu dari tujuh bidang yang terdapat dalam subjek Pendidikan Islam. Ekoran ini, menurut Naquiah dan Jimain (2016), guru pendidikan Islam yang merupakan kelompok yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar pelajaran jawi dilihat mempunyai peranan yang paling penting dalam usaha memastikan murid-murid celik jawi.

Penguasaan pelajaran jawi seperti membaca dan menulis mempengaruhi kefahaman dan penguasaan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam kerana bahan sumber Pendidikan Islam itu sendiri kebanyakannya ditulis dalam tulisan jawi (Asyraf Ridwan & Burhanuddin, 2015). Kelemahan tidak dapat membaca tulisan jawi dalam kalangan murid ini ibarat kesan domino kerana boleh membawa kepada kurangnya minat terhadap pelajaran jawi seterusnya secara tidak langsung menjadikan murid tidak berminat dengan subjek Pendidikan Islam. Justeru, sebagai individu yang dipertanggungjawabkan, guru Pendidikan Islam perlu berusaha dengan gigih dalam melahirkan murid celik jawi. Nampak mudah pada luaran, realitinya hanyalah guru tersebut yang tahu kerana dengan adanya tujuh bidang dalam pendidikan Islam pelbagai isu dan cabaran perlu dihadapi dalam memastikan murid celik jawi. Penulisan ini akan membincangkan tentang isu dan cabaran dihadapi Guru Pelatih Pendidikan Islam di SK Brickfields 1 dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca jawi dalam kalangan murid-murid.

## PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan tujuan kajian dijalankan, terdapat dua soalan kajian yang difokuskan iaitu:

- 1) Apakah isu dan cabaran dalam meningkatkan kemahiran membaca jawi dalam kalangan murid-murid?
- 2) Apakah langkah yang boleh dilaksanakan dalam mengatasi isu kemahiran membaca jawi yang lemah dalam kalangan murid?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti isu dan cabaran yang wujud dalam kemahiran membaca Jawi dalam kalangan murid SK Brickfields 1. Kajian ini melibatkan 3 orang guru pelatih dari Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa yang telah menjalani praktikum 1 di SK Brickfields 1 mulai 8 Ogos 2023 hingga 4 November 2023 (12 minggu). Metodologi digunakan adalah melalui pemerhatian dan hasil pengalaman 3 guru pelatih tersebut dalam mengajar Pendidikan Islam dalam bidang Jawi. Berdasarkan hasil diperoleh, dapat diketahui bahawa hampir separuh daripada kelas murid Tahap 2 tidak tahu membaca Jawi.

## DAPATAN KAJIAN

Wujudnya isu dan cabaran dalam kemahiran membaca Jawi dalam kalangan murid-murid di SK Brickfields 1 dapat ditelusuri daripada beberapa punca yang utama. Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

### KURANG BERMINAT DALAM PEMBELAJARAN JAWI

Minat adalah suatu perasaan yang dapat memberikan kenikmatan dan kepuasan kepada seseorang individu. Minat yang terbentuk dalam diri individu akan menyebabkan teretusnya perasaan ingin tahu dan keinginan untuk melaksanakan sesuatu. Minat adalah sesuatu yang timbul bukan secara spontan kerana ia wujud berdasarkan penglibatan dan pengalaman semasa melakukan aktiviti. Menurut Mohd Eezan dan Shahlan (2020), hal ini menunjukkan minat adalah merupakan dorongan jiwa terhadap sesuatu disertai dengan rasa keterujaan dan seronok. Berdasarkan perkara ini, kurangnya minat dalam pembelajaran menjadi satu dari beberapa sebab dan isu mengapa kurangnya kemahiran membaca jawi dalam kalangan murid-murid di Sk Brickfields 1.

Kurangnya minat ini terserlah kerana murid-murid lebih terdedah kepada penggunaan tulisan rumi dalam pembelajaran di sekolah. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan murid-murid tidak melihat kepentingan tulisan jawi. Bahkan terdapat juga murid yang meminta untuk menulis dalam tulisan rumi tatkala diminta menulis dalam jawi apabila melibatkan bidang selain jawi dalam pendidikan Islam seperti akidah, sirah, ibadah dan akhlak. Mereka menolak menulis jawi kerana beranggapan ianya rumit dan hanya digunakan dalam Pendidikan Islam. Tindakan sebegini jelas menunjukkan murid langsung tidak berminat dengan jawi. Apatah lagi apabila diminta membaca teks jawi, awal-awal lagi sudah mengalah. Menurut Sarinab et al (2022), situasi seperti ini merupakan pengaruh yang negatif terhadap pencapaian dan minat murid seterusnya melahirkan murid yang lemah dan semakin ketinggalan dalam Pendidikan Islam.

Isu kurang minat terhadap pembelajaran jawi ini juga disebabkan oleh pengajaran dan pembelajaran guru yang kurang berkesan dan tidak dapat menarik minat murid-murid. Menurut Nur Syamira et al (2017) dan Noor Asmina et al (2019), terdapat penyelidikan yang menunjukkan bahawa murid lemah dalam mata pelajaran yang dipelajari disebabkan faktor pengajaran dan pembelajaran guru adalah kurang memberangsangkan untuk menarik minat pelajar. Ilmu yang diajar di dalam kelas memerlukan minat murid untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan termasuk ilmu kemahiran jawi. Bagi memastikan murid berminat terhadap pengajaran, metodologi pengajaran yang digunakan guru amatlah penting untuk merangsang pelajar untuk meminati pembelajaran jawi.

## **TIDAK MENGENAL HURUF JAWI**

Walaupun berbeza, secara mudahnya huruf-huruf jawi adalah huruf-huruf arab yang ditambah dengan huruf-huruf tambahan yang diciptakan oleh orang-orang melayu bagi disesuaikan dengan bunyi sebutan lidah melayu. Terdapat sejumlah 38 huruf-huruf yang menempati huruf jawi. 30 darinya adalah merupakan huruf arab yang diambil secara langsung manakala hanya 8 huruf sahaja yang ditambah hasil ciptaan orang-orang melayu. Kesemua huruf arab yang diambil dan dimasukkan dalam tulisan jawi adalah tidak lain dan tidak bukan adalah sama dengan dengan yang ada di dalam kitab suci al quran. Justeru dapat dipastikan bahawa kemahiran membaca jawi mempunyai perkaitan dengan kemahiran membaca al quran. Murid yang tidak pandai membaca al quran sudah pastilah juga tidak dapat membaca tulisan jawi kerana majoriti huruf jawi adalah sama dengan huruf dalam al quran. Menurut Nur Syamira et al (2017), kegagalan membaca al Quran dengan lancar adalah berpunca daripada kelemahan bagi menguasai tulisan jawi dan percubaan merumikan al Quran.

Murid yang tidak mengetahui bunyi dan sifat huruf yang terdapat dalam al quran akan kesusahan apabila dihadapkan dengan tulisan jawi lebih-lebih lagi tulisan jawi tidak mempunyai baris seperti dalam al quran. Tidak kurang juga, terdapat murid yang masih lagi tidak mampu mengenal dan menyebut huruf-huruf jawi menjadikan asas kepada kemahiran membaca jawi yang tidak kukuh dalam diri mereka. Kesannya, penguasaan kemahiran membaca jawi dalam kalangan murid sangat lemah.

## **TAHAP KEMAHIRAN YANG TIDAK SETARA DENGAN UMUR MURID**

Pandemik COVID-19 tidak dinafikan membawa perubahan yang besar kepada dunia tidak terkecuali sistem pendidikan negara Malaysia. Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang telah diisytiharkan pada Mac 2020 membawa satu landskap baru apabila sekolah terpaksa ditutup dan sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) terpaksa dijalankan secara atas talian. Perubahan ini menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyeru warga pendidik dan murid untuk menjadikan pelantar atas talian sebagai alternatif pengajaran dan pembelajaran. Tiadanya pembelajaran bersemuka menyebabkan tidak semua murid dapat mengikuti pembelajaran sepanjang PKP dijalankan. Hal ini didorong atas beberapa faktor seperti lokasi tempat kediaman, kebolehcapaian internet dan kesesuaian gajet dimiliki. Kesannya, murid sukar untuk menerima akses akses atau capaian internet yang stabil bagi mengikuti pembelajaran secara atas talian. Menurut Siti Aisyah & Khadijah (2021), cabaran utama yang dihadapi oleh para guru dalam menggunakan pengajaran atas talian bagi pembelajaran murid ialah tiada capaian internet bagi murid untuk mengikuti sesi pembelajaran yang dikendalikan guru.

Keciciran yang berlaku ini turut tidak terkecuali melibatkan subjek Pendidikan Islam lebih-lebih lagi bidang jawi yang berteraskan kemahiran dan perlu kepada pembelajaran bersemuka. Hal ini menyebabkan murid tidak dapat menguasai pelajaran yang sepatutnya dikuasai sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Dalam bidang jawi, murid-murid yang berada pada tahun 1 dan 2 sepanjang PKP akan terlepas pembelajaran tentang asas jawi. Apabila melangkah ke darjah atau tahun yang baharu, kesannya dapat dilihat apabila tahap kemahiran yang diajarkan adalah tidak setara dengan umur murid. Hal ini jelas berlaku kerana murid tidak mengetahui asas yang perlu diketahui ekoran keciciran pembelajaran. Perkara seperti inilah yang menjadi isu dan cabaran kepada guru pelatih Pendidikan Islam

kerana bukan sekadar tiada kemahiran membaca jawi malah asas jawi juga tiada pada murid-murid yang perlu diajar. Guru pelatih terpaksa mengambil inisiatif mengajarkan asas terlebih dahulu kepada murid bagi memastikan tahap kemahiran yang setara dicapai sebelum memasuki pembelajaran yang lebih lanjut.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa langkah dapat dilaksanakan dalam mengatasi isu dan cabaran kelemahan kemahiran membaca jawi dapat dalam diri murid-murid. Antaranya ialah;

### **KAD HURUF JAWI**

Bagi melahirkan murid yang celik jawi pastinya memerlukan bimbingan dan latihan. Ketidakupayaan murid dalam membaca jawi akan menjadi proses pembelajaran berasaskan murid sukar dilaksanakan kerana murid sentiasa memerlukan guru untuk menterjemah tulisan jawi. Ketiadaan asas jawi dalam diri murid itu sendiri turut menyumbang kepada kelemahan dan ketidakupayaan dalam membaca jawi. Justeru, antara cara yang boleh digunakan oleh guru pelatih untuk membantu memantapkan asas jawi kepada murid ialah dengan menggunakan kad huruf jawi sebagai bahan bantu mengajar. Kad Huruf Jawi ini merupakan huruf-huruf jawi yang disusun dalam jadual berwarna. Kad ini bertujuan membantu mengatasi kelemahan murid untuk mengenal huruf hijaiyah dan menyambung huruf jawi tunggal. Murid perlu menghafal kad huruf ini untuk memudahkan mereka menggunakannya. Penggunaannya boleh diumpamakan seperti penggunaan sifir matematik (Sapie, Mohd Borhan & Siti Nga'isyah, 2018). Murid hendaklah menghafal fungsinya dan menggunakannya semasa menyelesaikan soalan latihan. Pembinaan kad huruf jawi ini adalah berdasarkan kepada kreativiti guru itu sendiri dan boleh dikembangkan untuk memudahkan pengajaran guru.

### **KEM CELIK JAWI/KEM CEMERLANG JAWI (KCJ)**

Sebagai model yang berperanan penting dalam pembentukan rohani, akhlak dan nilai murni murid di sekolah, guru Pendidikan Islam perlu memainkan usaha yang sepadan. Pemerkasaan Pendidikan Islam dengan menyasarkan penguasaan murid dalam bidang jawi perlu diberi penekanan. Bagi mencapai sasaran ini, guru-guru Pendidikan Islam boleh bekerjasama mengadakan kem celik jawi atau kem cemerlang jawi (KCJ). Kem ini adalah merupakan satu aktiviti pembelajaran melibatkan murid yang tidak menguasai asas jawi tanpa mengira tahun dari tahun 1 hingga 6. Pelaksanaan kem seperti ini memerlukan metodologi, kaedah dan teknik yang berkesan bagi memastikan murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan. Menurut Farah Farhana Rosli et al (2019), Kemahiran jawi dalam KCJ ini perlu diajar menggunakan metodologi dan teknik berkesan supaya murid yang lemah jawi dapat menguasai kemahiran mengenal, membaca dan menulis dengan sempurna.

Guru-guru Pendidikan Islam terutamanya guru pelatih Pendidikan Islam perlu bergiat aktif melibatkan diri dalam kem ini sebagai fasilitator bagi menjayakan KCJ. Objektif utama KCJ ini adalah bagi memastikan murid dapat menguasai asas-asas jawi seperti membaca dan menulis suku kata terbuka dan suku kata tertutup serta membaca dan menulis ayat pendek. Menurut Mohd Sabri, Harun dan Nurul Solehah (2021), program KCJ

bukanlah dianggap sebagai pengganti kepada pengajaran bidang jawi secara formal di sekolah tetapi merupakan pengukuhan kepada apa yang dipelajari di sekolah. Hal inilah yang menjadi sebab kepada mengapa ia mesti disertai oleh murid yang lemah dalam penguasaan jawi.

## KESIMPULAN

Oleh yang demikian, kemahiran membaca jawi perlulah terus dipelajari dan diamalkan oleh murid-murid dalam memastikannya kekal tanpa ditelan arus kemodenan. Jawi adalah khazanah negara yang bukan sahaja merupakan identiti Tanah Melayu malahan menunjukkan bukti kepada kemajuan tamadun Melayu sehingga mampu mencipta sistem tulisan yang tersendiri. Maka, amatlah penting untuk khazanah negara ini terus dipelihara melalui pengajarannya di sekolah-sekolah. Dalam merealisasikan matlamat ini, setiap pihak tidak kira guru, sekolah, ibu bapa mahupun kerajaan haruslah sama-sama berganding bahu dan menggembelng tenaga supaya kemahiran membaca jawi dapat terus dipertingkatkan dalam kalangan murid-murid. Kesimpulannya, isu kemahiran membaca jawi bukanlah sesuatu yang hanya boleh dipandang enteng dan sebelah mata sebaliknya wajar diberi perhatian melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif di sekolah.

## RUJUKAN

- Abd Wahab, N.S , Abdin Lubis ,M. A. & Sjahrony, A. (2017). Aplikasi permainan bahasa bermultimedia ke arah memacu peningkatan kefahaman al-Quran dan Jawi. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*. 1(1): 1-12.
- Ahmad, S.A., Baharudin, H., Mohd Zubir, N. S, (2021). Pelaksanaan Kem Cemerlang Jawi (KCJ) di Sekolah Rendah Daerah Selangau, Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, vol. 3 no.2, 144-153.
- Ali , A. R., & Abdullah, B., (2015). Falsafah Pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. *Proceedings of ICIC 2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. Malaysia: Universiti Sultan Zainal Abidin, 6-7 September 2015*. ISBN: 978-967-13705-0-6.
- Ariffin, S., Mokhtar, S., Hajimi, M. N. H. H., Marinsah, S. A., (2022), Pendekatan kaedah latih tubi dalam kemahiran menulis jawi murid tahun empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, 7(45), 112-126.
- Hamdzah, M. E, & Surat, S (2020), Pemupukan minat dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Personalia Pelajar*. 23(2): 103-109.
- Nahar, N., & Safar, J., (2016), Amalan pengajaran jawi dalam pendidikan masa kini : suatu tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 2 (2), 2016 70-85, e-ISSN: 2289-960X.
- Noor Asmina M.R, Shaharuddin M.S & Norah M.N. (2019). Development of Jawi Spelling Skills Applications, 'Oh Jawiku'. *iJIM*. 13(7).
- Rosli, F. F., Ismail, Z., Shafie, N., Ahmad, Z. & Mat Saman, S. A. (2019). Penguasaan Kaedah Jawi dalam Kalangan Guru: Suatu Keperluan. Buku Prosiding Seminar Darulaman 2019 Peringkat Kebangsaan. Anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman & Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. 22-23 Oktober 2019. Jitra: Kedah. Hlm. 469-476.

- Sabilan, S., Jamaluddin, M. B., & Mohni, S. N, (2018). Tahap keberkesanan penggunaan kad warna jawiku dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi, Conference: International Conference on Da'wah 2018 (ICOD 2018)At: Beijing, China ,Volume: 3
- Siti Aisyah Ibrahim, Khadijah Abdul Razak.( 2021). Pandemik Covid-19: Cabaran dan Impak Dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid [Covid-19 Pandemic: Challenges And Impact in Islamic Education and Student Learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(1), 89-94